

12 OCT 1996

Umno-Gulung (Muhammad)

K'JAAN SELANGOR BATALKAN KONSERT MICHAEL JACKSON

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernam) -- Kerajaan Negeri Selangor hari ini mengumumkan keputusan membatalkan konsert "HISTory World Tour" Michael Jackson yang dijadualkan pada 27 Okt ini, kata Menteri Besar Tan Sri Muhammad Muhamad Taib.

Naib Presiden Umno itu berkata keputusan tersebut dibuat kerana persembahan konsert itu membawa nilai-nilai yang bercanggah dengan ajaran Islam.

"Nilai-nilai itu tidak sesuai dengan nilai yang mahu kita ketengahkan sebagai satu masyarakat yang berpegang kepada agama yang diredhai Allah," katanya semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Sebelum itu, Majlis Perbandaran Shah Alam membatalkan konsert itu dengan alasan kehadiran penyanyi bertaraf dunia itu memberi kesan negatif dalam pembentukan nilai-nilai moral yang murni pada masyarakat.

Bagaimanapun, penganjur konsert Jojo's Entertainment telah membuat rayuan kepada kerajaan negeri berhubung pembatalan permit untuk menganjurkannya di Stadium Shah Alam.

Muhammad berkata anggota parti perlu mematuhi pesanan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya sentiasa melakukan "muhasabah diri" atau mengkritik diri bagi memperbetulkan kelemahan diri dari dalam.

Katanya orang Melayu tidak perlu mempunyai perasaan malu yang berlebihan hingga menyebabkan mereka ketinggalan jauh berbanding kaum lain.

"Satu nilai budaya orang Melayu ialah merendah diri tetapi jangan sampai kita membiarkan maruah kita dipijak-pijak, kita boleh jadi agresif tetapi jangan sampai kita lupa jati diri," kata beliau.

Muhammad berkata orang Melayu perlu yakin dan tangkas merebut peluang tanpa lupa diri sehingga menjatuhkan bangsa sendiri.

Beliau berkata pemilihannya sebagai Naib Presiden parti diterima sebagai satu amanah dan tanggungjawab yang akan dilaksanakan dengan jujur demi kejayaan parti dan orang Melayu di masa akan datang. -- BERNAMA

RAZ AKD